



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN

KUPASAN MUTU JAWAPAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2022

A black and white photograph of a hand holding a pen and writing on a notepad, partially obscured by a purple graphic element.

BAHASA MELAYU
KERTAS 2
1103/2

1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran	:	1103/2
Bentuk Ujian	:	Ujian Subjektif
Markah Penuh	:	100 markah
Masa	:	2 jam 30 minit

1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas 2 mengandungi 3 bahagian iaitu **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**. Semua soalan wajib dijawab.

Bahagian A	:	Mengandungi 5 soalan (35 markah).
Bahagian B	:	Mengandungi 3 soalan (35 markah).
Bahagian C	:	Mengandungi 1 soalan (30 markah).

2.0 PRESTASI CALON

2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A

2.1.1 Prestasi Keseluruhan

Calon dapat menjawab soalan Bahagian A dengan baik. Calon dapat menguasai aspek morfologi, sintaksis, penyuntingan, bahasa Melayu standard dan peribahasa dengan baik mengikut peraturan pemarkahan yang diberi.

2.1.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon dapat menulis jawapan mengikut kehendak soalan dengan tepat. Dalam Bahagian A, calon menguasai tatabahasa aspek morfologi dan sintaksis. Selain itu, calon juga dapat menyunting sebahagian besar kesalahan bahasa dalam teks. Terdapat calon yang dapat menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard dengan tepat. Bagi soalan peribahasa, calon dapat menjawab soalan dengan menepati kehendak peraturan pemarkahan.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon masih dapat menulis jawapan mengikut kehendak soalan dengan tepat. Dalam Bahagian A, calon menguasai aspek morfologi dan sintaksis tetapi melakukan sedikit kesalahan tatabahasa. Selain itu, calon juga masih dapat menyunting kesalahan bahasa dalam teks. Calon dapat menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard dengan baik tetapi terdapat beberapa kosa kata klasik yang dikekalkan. Bagi soalan peribahasa, calon dapat menjawab sebahagian daripada soalan dengan tepat.

2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

Soalan 1: Morfologi

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata nama terbitan apitan**. Kemudian bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap kata nama terbitan apitan tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Salah satu bahan utama dalam penghasilan sosej ialah daging. Selalunya, daging yang digunakan bagi pembuatan sosej merupakan bahagian yang berlemak dan kurang berkualiti. Lemak haiwan terdiri daripada lemak tepu dan mengandungi kolesterol yang tinggi serta mengundang penyakit jantung dan strok. Garam jenis natrium klorida (NaCl) turut digunakan dalam pemprosesan tersebut untuk menambahkan perisa serta bertindak sebagai bahan pengawet daging. Proses pengawetan dengan penambahan garam bertujuan untuk merencatkan aktiviti mikroorganisma yang boleh merosakkan daging tersebut.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Apa Ada dalam SOSEJ?'
oleh Ismail Fitri Mohammad Rashedi,
Dewan Masyarakat, Disember 2015

Calon perlu menyenaraikan **empat kata nama terbitan apitan**. Calon juga dikehendaki untuk membina **satu ayat sendiri** daripada setiap perkataan tersebut. Ayat yang dibina haruslah jelas dan tidak digunakan sebagai peribahasa atau nama khas.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

i) - Penghasilan - Proses penghasilan sebuah rumah banglo itu mengambil masa yang sangat lama.
ii) - Pembuatan - Eksperimen pelajar itu tidak berjaya kerana proses pembuatannya tidak teratur.
iii) - Pemprosesan - Bahan yang sekecualnya haruslah digurakan dalam pemprosesan untuk menyiapkan sesuatu benda.
iv) - Pengawetan - Bahan makanan itu menggunakan diawet melalui proses pengawetan supaya tahan lama.

Calon dapat memberikan jawapan yang memenuhi tugas soalannya. Calon berupaya mengenal pasti dan menyenaraikan perkataan yang diuji dengan tepat. Calon juga berjaya membina ayat yang menunjukkan maksud perkataan dan penggunaannya dengan gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

0) Penghasilan	- Penghasilan kerusi di negara Malaysia semakin meningkat kerana mempunyai permintaan yang tinggi oleh rakyat.
2) Merupakan	- Aiman merupakan salah seorang pelajar Malaysia yang ditawarkan untuk melanjutkan pelajarannya di luar negara.
3) Pengawetan	- Kaedah pengawetan sering kali digunakan pakai oleh Mak Miah untuk membuat jeruk mangga.
4) Merosakkan	- Ali merosakkan telefon abangnya kerana tidak dapat menahan marah kerana abangnya merosakkan telefon Ali.

Calon dapat menyenaraikan dua perkataan yang diuji dan membina ayat dengan betul.

Soalan 2: Sintaksis

- 2 Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat bersusunan biasa yang bergaris kepada ayat bersusunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.

Rangkaian media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter sudah menjadi sebahagian daripada forum komunikasi dalam kalangan masyarakat. Sesuatu hantaran dalam rangkaian media sosial bersifat tular, kekal dan sebaran yang tidak terjangkau luasnya. Oleh itu, sebagai pekerja, mereka perlu berhati-hati ketika menulis isu berkaitan pekerjaan dalam media sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana isu tersebut boleh menjadi perbincangan undang-undang. Perkara ini boleh diambil tindakan oleh majikan sehingga pekerja boleh dipecat. Sehubungan dengan itu, semua pekerja yang menggunakan media sosial seharusnya bertanggungjawab untuk menulis isu yang positif sahaja.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Rangkaian Media Sosial: Cabaran Majikan dan Pengguna'
oleh Nazruzila Razniza Mohd Nadzri,
Dewan Masyarakat, Bil. 9/2019

Calon dikehendaki untuk menukarkan ayat bersusunan biasa kepada ayat bersusunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

soalan 2	
1)	Sudah menjadi sebahagian daripada forum komunikasi dalam kalangan masyarakat rangkaian media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter.
2)	Perlu berhati-hati ketika menulis isu berkaitan pekerjaan dalam media sosial mereka.
3)	Seharusnya bertanggungjawab untuk menulis isu yang positif sahaja semua pekerja yang menggunakan media sosial.

Calon dapat menjawab semua soalan dengan betul dan lengkap.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Solalan 2	🔍 🔄 🔍
3 (i)	
i) Sudah menjadi sebahagian daripada forum komunikasi dalam kalangan masyarakat rangkaian media sosial seperti be Facebook, Instagram dan Twitter.	
ii) Ketika menulis isu berkaitan pekerjaan dalam media sosial mereka perlu berhati-hati	
iii) Untuk menulis isu yang positif sahaja semua pekerja yang menggunakan media sosial seharusnya bertanggungjawab.	

Calon dapat menjawab dua daripada tiga soalan dengan betul.


Soalan 3: Penyuntingan

- 3 Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembedulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

Bahan 1

PENGAMBILAN CEPAT

JAWATAN KOSONG




PEKERJA SAMBILAN HARI
GRED 29
GAJI (RM72 SEHARI)

Di Bahagian Pembangunan Industri

Syarat Kelayakan:

1. Warga negara Malaysia berumur 21 – 31 tahun
2. Mempunyai ijazah atau diploma dan berpengalaman dalam bidang berkaitan reka bentuk grafik
3. Mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik, berdisiplin dan bertanggungjawab dalam tugas yang diberikan
4. Mahir menggunakan perisian *Adobe Illustrator*, *Adobe Photoshop* dan *Adobe After Effect*
5. Berkebolehan dalam menghasilkan grafik dan menyunting video
6. Boleh bekerja lebih masa pada hujung minggu serta cuti umum



Emelkan resume ke:
abcdef@mnopq.gov.my
Sebelum atau pada 29 April 2021 (Khamis), 3.00 petang

Bahan 2

Kerjaya sebagai juruterbang sememangnya diminati ramai walaupun berisiko tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat banyak kepentingan menjadi juruterbang. Antaranya gaji dan elaun yang juruterbang terima adalah tinggi setimpal dengan tanggungjawab yang diamanahkan. Juruterbang juga berpeluang untuk melihat keunikan dan keindahan mukabumi serta dapat pergi ke berbagai negara lain. Di samping itu, mereka dapat menambah kenalan berlainan bangsa.

Kerjaya ini juga menuntut komitmen yang tinggi kerana juruterbang terpaksa bekerja di luar stesyen dalam tempoh masa yang lama. Mereka boleh dipanggil untuk berkhidmat serta bertugas pada bila-bila masa. Selain itu, seorang juruterbang perlu berhadapan dalam keadaan cuaca yang tidak tertentu yang boleh mengancam keselamatan nyawa.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Juruterbang Nakhoda di Awan'
oleh Siti Hajar Ramlee,
Dewan Siswa, Bil. 09/2021

Calon dikehendaki untuk mengenal pasti, menyenaraikan pelbagai kesalahan bahasa dan membetulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Calon tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sebelas kesalahan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

- i) cepat → segera
- ii) Warga negara → Warganegara
- iii) berdisplin → berdisiplin
- iv) meyunting → menyunting
- v) Emelkan → e-melkan

Bahan 2

- i) juruterbang terima → diterima oleh juruterbang
- ii) mukabumi → muka bumi
- iii) berbagai → pelbagai
- iv) stesyen → stesen
- v) dalam → dengan
- vi) tertentu → menentu

Calon dapat menyenaraikan kesalahan dan membuat pembetulan bagi semua sebelas kesalahan yang terdapat dalam Bahan 1 dan Bahan 2.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

①	Di	→	Dalam
②	Bahagian	→	Bidang
③	Warga negara	→	Warganegara
④	menyunting	→	menyunting
⑤	Emelkan	→	E-melkan
Bahan 2			
①	junuterbang terima	→	diterima oleh junuterbang
②	mukabumi	→	muka bumi
③	berbagai	→	pelbagai
④	menambah	→	menambahkan
⑤	stesyen	→	stesen
⑥	dalam	→	untuk

Calon hanya dapat menyenaraikan dan membetulkan tujuh daripada sebelas kesalahan.

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

- 4 Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Tatkala itu Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluh-puluh juta dan orang banyak dicurinya. Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya, "Hai ibuku, ke mana pergi bapaku maka tiada aku lihat ini?"

Dipetik daripada Kepimpinan Melalui Teladan
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Calon dikehendaki untuk menulis semula prosa klasik kepada bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

<u>Soalan 4</u>
Selepas itu Kertala Sari sudah pulang dari Daha, sangat banyak harta benda diperolehnya seperti emas, perak, pakaian dan berpuluh-puluh juta wang yang dia mencuri dari ramai orang. Setelah Kertala Sari pulang ke rumahnya, dia bertanya kepada ibunya, "Wahai ibuku, ke manakah bapaku pergi kerana saya tidak melihatnya?"

Calon dapat menukarkan Bahasa Melayu klasik kepada Bahasa Melayu standard dengan isi yang cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis tetapi terdapat kesalahan tatabahasa minimum. Calon juga menggunakan tanda bacaan dengan betul.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Apabila kertala Sari sampai dari Daha, dia
mendapat banyak harta daripada emas, perak,
pakaian dan duit berpuluh-puluh juta yang dicuri
daripada orang ramai. Setelah kertala Sari sampai
di rumahnya, dia bertanya kepada ibunya,
"Wahai, ibuku, kemanakah bapaku pergi kerana
aku tidak melihatnya?"

Calon masih dapat menukarkan Bahasa Melayu klasik kepada Bahasa Melayu standard. Calon masih dapat mengemukakan isi yang cukup, mengikut urutan tetapi ayat kurang gramatis.

Soalan 5: Peribahasa

- 5 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan **senaraikan** peribahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Kemudian, berikan peribahasa lain yang **sama maksud** atau **hampir sama maksud** dengan peribahasa tersebut.

Ketua kampung itu menasihati para penduduk kampung agar hidup bagai aur dengan tebing jika mahu tinggal dalam suasana tenang dan harmoni. Beliau percaya bahawa prinsip usaha tangga kejayaan sangat penting dalam memajukan kampung mereka. Seterusnya, beliau turut menyeru agar semua penduduk kampung menjaga kerukunan hidup bermasyarakat. Oleh itu, mereka perlu menjaga tutur kata kerana terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya.

Calon perlu menyenaraikan tiga peribahasa yang terdapat dalam petikan dan kemudian memberikan tiga peribahasa sama maksud atau hampir sama maksud dengannya.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Soalan 5
1. bagai aur dengan tebing = berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
2. usaha tangga kejayaan = di mana ada kemahuan, di situ ada jalan
3. terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya = nasi sudah menjadi bubur.

Calon dapat menyenaraikan tiga peribahasa dalam petikan dan memberikan tiga peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengannya.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Soalan 5.
1. bagai aur dengan tebing = Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.
2. usaha tangga kejayaan = men Bagai menggapai bulan yang dipagari bintang.
3. terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya - Mulut ^{buaka} kata , badan binasa.

Calon dapat menyenaraikan tiga peribahasa dalam petikan tetapi hanya memberikan satu peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan betul.

2.3 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN A

2.3.1 Calon

- a) Menguasai semua kemahiran tatabahasa bahasa Melayu.
- b) Menguasai tema yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).
- c) Menjadikan Kamus Dewan, Tatabahasa Dewan, kamus peribahasa, kamus prosa tradisional dan glosari prosa tradisional Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sebagai bahan rujukan.
- d) Membaca pelbagai jenis bahan bacaan terkini seperti Dewan Siswa, Kosmik, Dewan Budaya, Dewan Masyarakat, Pelita Bahasa dan bahan bacaan dalam Internet.
- e) Memahami dan menguasai maksud prosa tradisional Kepimpinan Melalui Teladan (Tingkatan 4) dan Burung Terbang Dipipiskan Lada (Tingkatan 5).

2.3.2 Guru

- a) Menggunakan pelbagai sumber bahan pembelajaran.
- b) Menjadikan buku Tatabahasa Dewan dan Kamus Dewan sebagai Bahan Bantuan Mengajar wajib di dalam kelas.
- c) Memberi penekanan teks prosa tradisional Kepimpinan Melalui Teladan (Tingkatan 4) dan Burung Terbang Dipipiskan Lada (Tingkatan 5).
- d) Mengikuti perkembangan kosa kata dan tatabahasa terkini.

2.4 PRESTASI CALON BAHAGIAN B

2.4.1 Prestasi Keseluruhan

Calon dapat menjawab soalan bahagian B pada tahap baik. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan maksud rangkai kata dan soalan pemahaman berdasarkan petikan dengan cemerlang. Sebahagian calon dapat menjawab soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) penyelesaian masalah dengan isi yang cukup dan gramatis.

2.4.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon dapat memberikan jawapan dengan tepat, jelas dan menepati kehendak soalan termasuk soalan KBAT. Jawapan calon cukup dan gramatis. Calon menguasai kemahiran membaca, menganalisis bahan dan menyatakan idea dengan cemerlang.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon masih memberikan jawapan mengikut kehendak soalan. Jawapan calon tidak cukup tetapi masih gramatis. Calon menguasai kemahiran membaca, menganalisis bahan dan menyatakan idea dengan baik.

2.5 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

Soalan 6 (i)

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Penggunaan teknologi dron dalam sektor pertanian semakin mendapat tempat dalam kalangan petani moden bersesuaian dengan galakan mengaplikasi teknologi dron dalam kaedah pertanian. Namun, bagaimanakah dron mampu membantu sektor pertanian? Sebelum musim penanaman bermula, dron membantu petani untuk membuat pemetaan keadaan ladang dalam bentuk tiga dimensi (3D). Hal tersebut dapat membantu petani untuk menentukan pola maksimum penanaman benih dan pengiraan tanaman. Maklumat pemetaan ini juga sangat berguna untuk menentukan sama ada benih perlu disemai semula atau tidak. Selain itu, penggunaan dron mampu mengurangkan risiko petani terdedah kepada racun perosak dan baja berbahaya melalui kaedah penyemburan racun. Kaedah ini digunakan dalam penanaman padi khasnya di Kedah.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Dron Merevolusikan Pertanian'
oleh Nurafifah Mohammad Suhaimi,
<https://www.bharian.com.my>, 10 Februari 2020

Bahan 2

KUALA LUMPUR – Hasrat pihak kerajaan sekarang adalah untuk melahirkan para petani moden yang tidak lagi menggunakan cangkul, kerbau dan *amalan tradisional* yang lain, sebaliknya negara kita ingin melahirkan golongan petani moden yang lebih efisien. Petani moden ialah petani yang menggunakan teknologi terkini seperti dron. Penggunaan dron dapat mengurangkan tenaga kerja manusia. Misalnya, dron menggantikan tenaga manusia untuk menyiram tanaman, menabur anak benih, menyembur racun serangga dan mengukur kapasiti kawasan.

Penggunaan teknologi dron boleh menarik minat generasi muda untuk menceburi bidang pertanian. Mungkin sebelum ini mereka kurang memilih bidang tersebut sebagai kerjaya kerana dipandang rendah oleh segelintir masyarakat. Oleh itu, inovasi dan penggunaan teknologi baharu dalam bidang pertanian perlu diperluas.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Revolusi Pertanian melalui Teknologi Dron'
oleh Sharfarizmal Md Saad,
<https://www.sinarharian.com.my>, 7 Disember 2020

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *amalan tradisional*.

Calon perlu memberikan maksud rangkai kata *amalan tradisional* dengan betul dan gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

i) Berdasarkan Bahan 2, maksud rangkaian kata amalan tradisional ialah ~~tabiat lama~~ cara lama.

Calon dapat memberikan jawapan yang tepat bagi maksud rangkaian kata yang diuji.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

i) Berdasarkan Bahan 2, rangkaian kata amalan tradisional bermaksud amalan lama.

Calon hanya memberikan sebahagian maksud secara literal frasa yang diuji.

Soalan 6 (ii)

- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kebaikan-kebaikan dron dalam bidang pertanian.

Calon perlu memberikan sekurang-kurangnya satu jawapan daripada bahan 1 dan satu jawapan daripada bahan 2 menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

ii) Berdasarkan Bahan 1, kebaikan dron dalam bidang pertanian ialah dron membantu petani untuk membuat pemetaan keadaan ladang dalam bentuk tiga dimensi (3D). Selain itu, penggunaan dron mampu mengurangkan risiko petani terdedah kepada racun perosak dan baja berbahaya melalui kaedah penyemburan racun. Berdasarkan Bahan 2 pula, penggunaan dron dapat mengurangkan tenaga kerja manusia.

Calon dapat mengemukakan isi yang cukup, menyentuh semua bahan dan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

ii) Dalam Bahan 1, kebaikan dron ialah dron membantu petani untuk membuat pemetaan keadaan ladang dalam bentuk tiga dimensi (3D) dan ~~membantu~~ mengurangkan risiko petani terdedah kepada racun perosak dan baja berbahaya melalui kaedah penyemburan racun. Dalam Bahan 2 pula, dron mampu menggantikan tenaga manusia untuk menyiram tanaman, menabur anak benih, menyembur racun ~~perosak~~ ^{perangas} dan mengukur kapasiti kawasan.

Calon tidak memberikan isi yang cukup namun ayat masih gramatis.

Soalan 6(iii)

(iii)

Mungkin sebelum ini mereka kurang memilih bidang pertanian sebagai kerjaya kerana dipandang rendah oleh segelintir masyarakat.

Pada pendapat anda, selain dipandang rendah oleh segelintir masyarakat, apakah punca-punca golongan muda tidak meminati bidang pertanian?

Calon perlu memberikan tiga isi yang jelas menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(iii) Pada pendapat saya, antara punca golongan muda tidak meminati bidang pertanian ialah golongan muda tidak mempunyai pendedahan ilmu yang meluas tentang bidang pertanian kerana pihak sekolah ~~tidak~~ kurang membuat ceramah tentang perkara ini. Selain itu, golongan muda meratakan ~~bidang~~ kerja bidang pertanian sangat tidak berbaloi kerana perlu berdiri di bawah matahari yang terik dan gaji yang tidak lumayan berbanding ~~sekerja~~ dengan bekerja di pejabat yang sejuk di ~~dalam~~ dalam bangunan. Seterusnya, golongan muda kurang modal dan tidak mendapat sokongan daripada ahli keluarga supaya menceburi bidang pertanian ini. Akhir sekali, golongan muda takut untuk menanggung risiko apabila ~~membuat perniagaan~~ mengalami kos kerugian yang tinggi.

Calon dapat memberikan tiga jawapan dengan jelas menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

iii. Pada pendapat saya, punca-punca golongan muda tidak meminati bidang pertanian adalah disebabkan kerana mereka tidak mahu tinggal di kawasan kampung. Selain itu, golongan muda tidak sanggup untuk bekerja di bawah cahaya matahari yang terik. Akhir sekali, golongan muda ~~menyanggah~~ meng-beranggapan bahawa pertanian merupakan pekerjaan kuno yang tidak ~~boleh~~ menghasilkan pendapatan yang lumayan.

Calon memberikan dua daripada tiga jawapan dengan jelas menggunakan ayat yang gramatis.

Soalan 6(iv)

- (iv) Hanafi merupakan seorang graduan yang baru menceburi bidang pertanian. Dengan penggunaan teknologi, beliau telah memperoleh hasil yang banyak, namun menghadapi masalah untuk memasarkannya.

Jika anda ialah Hanafi, apakah tindakan-tindakan yang perlu anda ambil untuk mengatasi masalah tersebut?

Calon perlu menulis tiga jawapan dengan jelas menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(iv) ~~Antara~~ Antara tindakan yang saya ambil untuk memasarkan hasil pertanian saya ialah saya akan membina satu laman sesawang bagi memudahkan pembeli membuat pembelian serta perniagaan saya dapat disebarluaskan secara meluas dengan lebih mudah. Seterusnya, saya akan menghantar hasil pertanian saya kepada pemborong atau peruncit untuk membeli barang saya supaya saya dapat pembeli yang ramai. Tambahan pula, saya akan membuat pengiklanan di media sosial agar orang luar tahu akan kewujudan perniagaan saya. Akhir sekali, saya akan menyertai kursus pemasaran yang dianjurkan bagi memperolehi teknik yang betul untuk memasarkan sesuatu produk dengan lebih efisien.

Calon dapat mengemukakan tiga isi dengan tepat menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

iv) Jika saya ialah Hanafi, tindakan-tindakan yang perlu saya ambil untuk mengatasi masalah tersebut adalah dengan mempromosikan di media sosial. Hal ini kerana pasaran di atas talian lebih luas. Selain itu, mencari rakan kongsi untuk menjadi pembekal utama ~~untuk~~ ^{di} kedai tersebut. Seterusnya, mengupah orang membuat promosi pada hari pertama jualan untuk menarik minat orang.

Calon hanya memberikan satu atau dua isi menggunakan ayat yang gramatis.

Soalan 7(i)

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

TUK WALI: Pokok yang tengah berbunga atau berbuah, jangan ditebang. Pokok yang lebih kecil daripada jari hantu, jangan disentuh. Kalau hati belum pasti, jangan cantas. Kalau belum mengenal, berkenal dulu.

RIPIN: Mereka mencantas, menebang tu pun kerana nak mengenallah, wak!

TUK WALI : Belajarlah mengenal pada ibu, bukan cabut anak. (Kesal) Yang langgar pantang, anak cucu aku jugak. Cakap aku ni tak dihargai langsung. (Marah) Si Berahim anak tiri aku tu! Dia murid Si Guan, Guan kedai singse tu! Tunjuk mana pasak bumi, tongkat ali, dikenalkannya rancang besi, rancang tembaga, yang mana raja berangkat, apa khasiat lukai jantan, apa gunanya tengkuk biawak!

RIPIN: Masya-Allah! Semuanya diajar, wak?

TUK WALI : Semuanya, Ripin! Kau tahu apa dah jadi? Berahim masuk hutan bekal tali sigai dengan kayu umpil, tapi Si Guan masuk hutan dengan traktor, bawa buruh lagi dua tiga orang. Pokok besar betis ni, besar tiang rumah tu, habis dicabut. Bila cabut induk, mana nak datang benih?

Dipetik daripada drama 'Gelanggang Tuk Wali'
oleh Ismail Kassan
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 2

Gurindam Pelihara Alam

Kalau hendak membuang sampah,
Jangan dibiarkan bersepah-sepah.

Kalau selalu menjulang api,
Kelak binasa hutan sepi.

Kalau hendak meneroka rimba,
Jangan dikaut khazanah murba.

Kalau selalu menjerat haiwan,
Kelak alam menjadi lawan.

Kalau hendak membuat batas,
Jangan sampai pokok dicantas.

Kalau selalu menyembur racun,
Kelak binasa tanah kebun.

Kalau hendak memancing ikan,
Jangan diracun satu lautan.

Kalau mahu mendirikan bangunan,
Jangan ditarah bukit sekawan.

Kalau selalu mencemar bumi,
Kelak penyakit sukar dibasmi.

Kalau alam tidak dijaga,
Kelak pupuslah warisan pujangga.

Kalau sayang akan bumi bertuah,
Peliharalah akhlak dan juga maruah.

Kalau kita bangsa merdeka,
Pastikan alam tiada celaka.

Has Alia Hasnan

Manong, Perak.

Dewan Siswa, Januari 2016

- (ii) Berdasarkan **setiap bahan**, nyatakan tindakan-tindakan yang menyebabkan kemusnahan alam sekitar.

Calon perlu memberikan dua jawapan berdasarkan Bahan 1 menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

D) Berdasarkan Bahan 1, perkara-perkara yang dilarang oleh Tuk Wai ialah pokok yang tengah berbuah, jangan ditebang. Selain itu, pokok yang lebih kecil daripada jari hantu, jangan disentuh. Di samping itu, kalau hati ~~ada~~ belum pasti, jangan castas. Akhir sekali, kalau belum mengerat, berkenal dulu.

Calon dapat memberikan dua jawapan yang tepat berdasarkan Bahan 1 menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

E. (i) Perkara-perkara yang dilarang oleh Tuk Wai ialah pokok yang berbunga atau berbuah jangan ditebang. Selain itu, pokok yang lebih kecil daripada jari hantu, jangan disentuh.

Calon hanya memberikan satu jawapan berdasarkan Bahan 1 menggunakan ayat yang gramatis.

Soalan 7(ii)

- (ii) Berdasarkan setiap bahan, nyatakan tindakan-tindakan yang menyebabkan kemusnahan alam sekitar.

Calon perlu memberikan sekurang-kurangnya satu jawapan daripada setiap bahan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

i)	Berdasarkan Bahan 1, tindakan-tindakan yang menyebabkan kemusnahan alam sekitar ialah pokok besar betis ni, besar bang rumah tu, habrs dicabut. Berdasarkan Bahan 2, tindakan-tindakan yang menyebabkan kemusnahan alam sekitar ialah selalu menyembur racun dan selalu mencemar bumi. Selain itu, selalu menjulang api dan selalu menjerat haiwan.
----	---

Calon dapat mengemukakan isi yang tepat, mencukupi, menyentuh semua bahan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

ii)	Berdasarkan Bahan 1, tindakan-tindakan yang menyebabkan kemusnahan alam sekitar adalah dengan membong pokok dan akan menyebabkan ketidadaan benih. Berdasarkan Bahan 2 pula, membuang sampah di merata tempat akan mencemar dan mengotorkan alam sekitar. Selain itu, pembinaan bangunan juga akan menyebabkan bukit-bukit kichirngan pokok-pokonya.
-----	--

Calon tidak memberikan isi yang cukup namun ayat masih gramatis.

Soalan 7(iii)

(iii) Alam sekitar merupakan anugerah Tuhan yang amat berharga kepada kehidupan manusia. Namun, segelintir masyarakat masih melakukan aktiviti yang boleh memusnahkan alam sekitar.

Pada pendapat anda, apakah halangan-halangan untuk menjamin kelestarian atau mengekalkan keaslian alam sekitar?

Calon perlu memberikan sekurang-kurangnya tiga isi yang tepat berdasarkan tugas menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(iii) Pada pendapat saya, antara halangan untuk menjamin kelestarian atau mengekalkan keaslian alam sekitar adalah sikap tidak bertanggungjawab dalam diri masyarakat. Selain itu, masyarakat tidak diberikan pendidikan tentang manfaat alam sekitar. Tambahan pula, tidak penguatkuasaan undang-undang yang lemah. Akhir sekali, golongan muda mudah di terpengaruh dengan rakan-rakan mereka untuk melakukan perkara yang tidak baik.
--

Calon dapat memberikan dua jawapan yang jelas menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

ii) Pada pendapat saya, antara halangan untuk menjamin kelestarian atau mengekalkan keaslian alam sekitar termasuklah pembangunan bandar yang pesat menyebabkan lebih banyak bukit ditarah. Selain itu, segelintir pihak yang tidak mendengar kata dan terus melakukan perkara yang merosakkan alam sekitar.
--

Calon tidak dapat memberikan dua jawapan yang jelas tetapi masih menggunakan ayat yang gramatis.

Soalan 7(iv)

- (iv) Satu kebakaran hutan telah berlaku berhampiran dengan tempat tinggal anda. Kebakaran ini boleh menyebabkan berlakunya pencemaran udara dan kemusnahan flora dan fauna.

Sebagai penduduk yang bertanggungjawab, nyatakan cadangan-cadangan segera yang perlu anda lakukan agar kebakaran ini tidak terus merebak.

Calon perlu menyatakan sekurang-kurangnya tiga jawapan yang tepat berdasarkan tugas menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

iv)	Sebagai penduduk yang bertanggungjawab, saya akan melaporkannya kepada pihak berkuasa agar dapat mencari individu yang membakar hutan tersebut. Saya juga akan memanggil bomba untuk segera memadam kebakaran tersebut bagi mengurangkan berlakunya pencemaran udara. Selain itu, saya juga akan mengarahkan fakam ^{jiran} saya untuk berpindah atau pergi ke tempat lain buat sementara waktu bagi mengelakkan mereka terhidu asap yang dihasilkan daripada pembar kebakaran hutan. Seterusnya, memberitahu pengguna media sosial bahawa kebakaran hutan menyebabkan berlakunya pencemaran udara dan kemusnahan flora dan fauna.
-----	--

Calon dapat memberikan tiga isi dengan jelas dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

iv)	Sebagai penduduk yang bertanggungjawab, antara cadangan segera yang perlu saya lakukan agar kebakaran ini tidak terus merebak ialah saya akan melaporkan kebakaran hutan tersebut kepada pihak berkuasa supaya dapat memberikan amaran dan saman kepada sesiapa yang melakukan pembakaran hutan. Sehubungan dengan itu, saya akan menasihatkan orang yang melakukan tindakan tersebut supaya dia dapat tidak akan meneruskan perbuatan tersebut.
-----	---

Calon tidak dapat memberikan tiga isi dengan jelas tetapi masih menggunakan ayat yang gramatis.

Soalan 8 (i)

8 Jawapan bagi soalan yang berikut hendaklah berdasarkan novel *Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*.

(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Kita akan berbincang di rumah Karl, seorang penyelidik Soft Lab yang sangat banyak berjasa,” tambah Aqram apabila melihat air muka Farisha seperti sedikit ragu.

“Saya pernah dengar tentang Karl. Dia pernah memenangi anugerah inovasi peringkat kebangsaan tak lama dulu,” kata Rosman. Sebenarnya dia pernah menulis satu rencana tentang Karl ketika di kolej. Tetapi itu sudah lama berlalu.

Sejak memenangi anugerah tersebut, Karl terus menyepi daripada pihak media. Tiada temu ramah, tidak juga diundang untuk acara-acara berkaitan sains, teknologi dan inovasi. Karl menyepi tanpa sebarang alasan. Hasil kerjanya yang terbaharu juga tiada sesiapa yang tahu.

“Baguslah kalau awak tahu serba sedikit tentang dia. Karl ialah seorang penyelidik dan pencipta. Dia ialah aset Soft Lab yang paling berharga,” kata Aqram. Sebenarnya banyak lagi yang ingin diperkatakan tentang Karl, tetapi biarlah dia simpan dahulu. Dia berharap Farisha dan Rosman akan faham apabila mereka tiba di rumah Karl kelak.

Dipetik daripada novel *Di Sebalik Dinara*
oleh Dayang Noor,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan kelebihan-kelebihan yang ada pada Karl.

Calon perlu memberikan tiga jawapan berdasarkan petikan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Soalan 8
Antara kelebihan yang ada pada Karl ialah seorang penyelidik Soft Lab yang sangat banyak berjasa. Selain itu, Karl pernah memenangi anugerah inovasi peringkat kebangsaan tidak lama dahulu. Sebenarnya, Karl merupakan seorang penyelidik dan pencipta. Akhir sekali, Karl ialah aset Soft Lab yang paling berharga.

Calon dapat memberikan tiga isi dengan tepat berdasarkan tugas menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(i) Kelebihan-kelebihan yang ada pada Karl ialah kefasakan. Dia seorang pencipta dan penyelidik Soft Lab yang sangat banyak berjasa dan pernah memenangi anugerah inovasi peringkat kebangsaan. Karl menjaga hasil kerjanya dan kehidupannya dengan baik kerana dia menyepi daripada pihak media dan tidak mengundang temui ramah atau acara-acara yang berkaitan di sains, teknologi dan inovasi.

Calon tidak dapat memberikan tiga isi dengan tepat tetapi masih menggunakan ayat yang gramatis.

Soalan 8(ii)

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang dapat diteladani bagi setiap novel.

Calon perlu memberikan satu peristiwa yang dapat diteladani bagi setiap novel yang dipelajari.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Peristiwa yang dapat diteladani bagi novel Di Sebalik Dinara ialah peristiwa Azraai memasang retinal Scanner di rumah Farisha untuk menjaga keselamatannya kerana ada berlaku kes pencurian. Sebab peristiwa ini perlu diteladani ialah kita perlulah menjaga ahli-keuarga kita dan keselamatan ahli keluarga kita supaya mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini.
Selain itu, peristiwa yang dapat diteladani bagi novel Silir Daksina ialah peristiwa hangai yang mahu mengetahui asal usul ayah kandungnya Abdullah Kayan dengan di kampung Seri Purnama pergi ke kampung Seri Purnama melalui terbinan ayah tirinya. Sebab peristiwa ini perlu diteladani ialah kita perlulah mengetahui meminta izin kepada ibu bapa sekiranya ingin pergi ke tempat jauh.

Calon dapat memberikan satu peristiwa dan alasan yang jelas daripada setiap novel dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(ii)	Novel yang saya pelajari ialah novel Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Agip.
	Satu peristiwa yang dapat diteladani bagi novel tersebut ialah peristiwa keluarga Dahira meniaga Nek Krah ketika sakit. Nek Krah sering menghina Dahira dan keluarganya kerana miskin. Suatu hari, Dahira menemukan Nek Krah tidak ada sedarkan diri dalam rumahnya lalu bertindak menjaganya ketika di hospital. Peristiwa ini dapat diteladani bagi novel ^{tersebut} kerana Dahira tidak menyimpan dendam terhadap neneknya yang banyak menyakitinya malahan bertindak mementingkan hubungan kekeluargaan yang dimiliki ^{antara mereka} dengan neneknya .
	Selain itu, novel yang saya pelajari ialah novel Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin.
	Satu peristiwa yang dapat diteladani bagi novel tersebut ialah peristiwa Lili diculik. Lili ada telah diculik oleh dua orang budak lelaki di kampung sebelah ibunya lalu diselamatkan oleh rakan lelakinya. Peristiwa ini dapat diteladani bagi novel tersebut kerana Lili yang bertindak merahsiakan kejadian tersebut daripada pengetahuan pengetahuan orang lain kerana kesutian masih dua orang budak lelaki tersebut tidak mahu menisutkan ahli keluarganya.

Calon tidak dapat memberikan peristiwa dan alasan yang jelas daripada setiap novel dengan menggunakan ayat yang gramatis.

2.5 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN B

2.5.1 Calon

- a) Menguasai tema yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).
- b) Membaca pelbagai jenis bahan bacaan terkini seperti Dewan Siswa, Kosmik, Dewan Budaya, Dewan Masyarakat, Pelita Bahasa dan bahan bacaan dalam internet.
- c) Mengetahui pelbagai isu semasa.
- d) Mengkaji novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

2.5.2 Guru

- a) Menggunakan pelbagai sumber bahan pembelajaran.
- b) Menguasai tema yang terdapat dalam DSKP.
- c) Membaca pelbagai jenis bahan bacaan terkini seperti Dewan Siswa, Kosmik, Dewan Budaya, Dewan Masyarakat, Pelita Bahasa dan bahan bacaan dalam internet.

2.6 PRESTASI CALON BAHAGIAN C

2.6.1 Prestasi Keseluruhan

Jawapan calon secara keseluruhannya pada tahap baik. Calon menguasai kemahiran membaca, menganalisis bahan dan memindahkan maklumat daripada semua bahan menggunakan bahasa yang gramatis. Sebahagian besar calon berjaya mengenal pasti dua fokus yang terdapat dalam semua bahan.

2.6.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon dapat menulis rumusan dengan tepat iaitu pendahuluan, lapan isi daripada dua fokus dan kesimpulan. Calon menggunakan ayat yang gramatis dan hanya terdapat kesalahan bahasa yang minimum. Calon juga menguasai kemahiran membaca, menganalisis bahan dan memindahkan maklumat daripada semua bahan.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon masih dapat menulis rumusan dengan baik dan menepati dua fokus daripada semua bahan. Isi rumusan kurang daripada lapan, tidak lengkap tetapi masih menepati format, gramatis dan hanya terdapat kesalahan bahasa yang minimum.

2.7 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

Soalan 9

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1

Pada tahun 2020, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengumumkan pelaksanaan secara bersepadu penggunaan buku teks digital dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pendigitalan buku teks ini, dilihat sebagai satu usaha ke arah transformasi pendidikan negara.

Aplikasi KPM eTextbook Reader yang dibangunkan ini memerlukan pengguna memuat turun buku teks tersebut. Aplikasi yang telah dimuat turun ini boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja walaupun tanpa Internet. Hal ini membolehkan murid mengaksesnya di pasar raya, di kampung dan di taman rekreasi. Selain itu, buku teks digital turut menyediakan ruang simpanan yang lebih sistematik. Oleh hal yang demikian, murid tidak memerlukan rak buku atau beg untuk menyimpan buku teks dan membawanya ke sekolah.


Jika dahulu, subtopik buku teks dicari melalui penggunaan halaman isi kandungan dan muka surat, namun kini murid lebih efisien mencari maklumat melalui kata kunci. Penggunaan aplikasi carian dalam setiap tajuk yang ingin dibaca atau dikaji boleh memudahkan proses PdP. Buku teks digital juga lebih mudah dikemas kini sekiranya berlaku kesalahan maklumat dalam penerbitan buku tersebut. Sehubungan dengan itu, pihak KPM dapat menjimatkan masa untuk membuat penambahbaikan buku teks digital sedia ada.

Namun begitu, bukan semua murid mempunyai kemudahan peranti elektronik seperti telefon pintar dan komputer untuk memuat turun buku teks digital ini. Aplikasi KPM eTextbook Reader yang boleh diakses secara percuma ini pula merumitkan murid untuk membuat pendaftaran akaun sebagai pengguna. Tanpa pendaftaran akaun pengguna, murid tidak dapat menggunakan aplikasi ini. Oleh itu, penggunaan buku teks digital perlu diperkukuh dan diperkasakan oleh KPM.

Penggunaan buku teks digital juga memerlukan kos penyediaan dan pelaksanaan yang tinggi. Dalam hal ini, KPM terpaksa memperuntukkan kos yang besar bagi merealisasikan penggunaan buku teks digital. Oleh hal yang demikian, kerjasama pihak sekolah, ibu bapa dan murid penting dalam menjayakan penggunaan buku teks digital ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Buku Teks Digital Apakah Manfaatnya'
oleh Hasrul Hosshan,
Dewan Siswa, Bil. 03/2021

Bahan 2



Malaysia ke Arah Pembelajaran Menggunakan Buku Teks Digital dalam Norma Baharu

- Sektor pendidikan tidak terkecuali untuk amalan norma baharu sejak pandemik corona virus (COVID-19). Platform pembelajaran ini mengandungi pelbagai buku teks digital. Penjenamaan semula buku teks ini menjadikan sesi pengajaran guru lebih menarik.
- Platform ini secara puratanya menghimpunkan 1.7 juta pengguna aktif pada setiap bulan. Aplikasi yang interaktif dan imej yang menarik mampu membantu murid fokus dan mudah memahami sesuatu mata pelajaran.

Sumber: <https://anyfip.com>

Bahan 3



Ayah, adik nak minta ayah belikan telefon pintar seperti kawan adik. Cikgu selalu suruh kami siapkan tugas dengan merujuk buku teks digital.

Bukan ayah tak nak belikan, cuma ayah bimbang adik tidak merujuk buku teks digital tersebut tapi melayari laman sesawang lain.

Ayah jangan risau, adik janji tak akan buat macam tu walaupun banyak tarikan aplikasi lain yang lebih menyeronokkan.

Bolehkah ayah percaya janji manis adik tu?

Sumber: <https://lakarancitra.blogspot.com>

Calon dikehendaki menulis sebuah rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Rumusan membincangkan kelebihan dan kekurangan penggunaan buku teks digital dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Antara kelebihan menggunakan buku teks digital ialah turut menyediakan ruang simpanan yang lebih sistematik. Selain itu, lebih mudah dikemas kini sekiranya berlaku kealahan maklumat dalam penerbitan buku tersebut. Seterusnya, dapat menjadikan sesi-pengajaran guru lebih menarik. Akhir sekali, dapat menyalakan tugas dengan menuju buku teks digital.

Di samping itu, ~~terdapat~~ kekurangan menggunakan buku teks digital ialah bukan semua murid mempunyai kemudahan peranti elektronik. Tambahan pula, memerlukan murid untuk membuat pendaftaran akaun sebagai pengguna. Salain itu, memerlukan kos penyediaan dan pelaksanaan yang tinggi. Akhir sekali, bimbang jika pengguna tidak menuju buku teks digital tetapi melayari laman sesawang lain.

Kesimpulannya, penggunaan buku teks digital dalam sesi (PdP) perlu dipertingkatkan dalam negara kita agar sistem pendidikan negara berkembang maju.

Calon dapat menulis rumusan dengan memberikan pendahuluan yang betul, laman isi cukup yang menyentuh semua fokus daripada semua bahan. Kesimpulan yang dikemukakan sesuai dengan tema, menyatakan cadangan dan kesannya. Bahasa yang digunakan gramatis dan tidak melebihi 120 patah perkataan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Rumusan membincangkan kelebihan buku teks digital dan
kelebihan buku teks digital.
Kelebihan

Antara kelebihan buku teks digital adalah boleh diakses pada
bila-bila masa. Selain itu, murid lebih efisien mencari maklumat.
Di samping itu, menyediakan ruang simpanan yang lebih sistematik.
Selain itu, buku teks ini menjadikan sesi pengajaran guru lebih
menarik. Akhir sekali, imej yang menarik mampu membantu murid
fokus dan mudah memahami.

Terdapat juga kelemahan penggunaan buku teks digital ialah
mudah terpesong dan meluanyi laman sesawang lain. Selain itu,
memerlukan murid untuk membuat pendaftaran akaun. Di samping itu,
memerlukan kos penyediaan dan pelaksanaan yang tinggi.

Kesimpulan, buku teks digital haruslah diperkasakan agar
negara mampu bertukar sebagai satu arah ke transformasi pendidikan
negara

C113 patah perkataan

Calon tidak dapat menulis pendahuluan rumusan dengan lengkap. Isi tidak cukup lapan dan tidak menyentuh semua fokus daripada semua bahan. Kesimpulan yang diberikan dipetik daripada petikan, manakala cadangan dan kesannya adalah salah. Bahasa yang digunakan juga kurang gramatis. Jumlah perkataan tidak melebihi 120 patah perkataan.

2.8 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN C

2.8.1 Calon

- a) Menguasai kemahiran membaca dan menganalisis pelbagai bahan.
- b) Membudayakan perbincangan dengan rakan-rakan tentang pelbagai isu semasa.

2.8.2 Guru

- a) Menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar.
- b) Meningkatkan kemahiran membina item yang standard mengikut format SPM.
- c) Menguasai kemahiran memeriksa jawapan rumusan dengan betul.
- d) Meningkatkan ilmu pengetahuan dengan membaca pelbagai sumber bahan bacaan.

Penghargaan

PENASIHAT:

DR. MOHD AZAM BIN AHMAD

PENGERUSI:

ENCIK BASRI BIN HASSAN

URUS SETIA:

DR. HABIBAH BINTI MAT REJAB

DR JAIN BIN CHEE

PUAN AIMI MAHFUZAH BINTI MOHD. KAMALLUDEEN

PUAN LAILY FAZLIN BINTI DATO SRI KHAIRIL

EDITOR:

ENCIK MOHD FATHI BIN ADNAN (KETUA EDITOR)

PUAN NORAZAH BINTI BIDI (PEN. KETUA EDITOR)

PUAN NORHATINI BINTI SHAARI

PUAN FAIZAH BINTI SAMAD

ENCIK IZZAT ISMAIL BIN IDRIS

ENCIK MAHADI BIN MAHMOD

PANEL PENULIS:

KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 1

KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 2

KP & KPB BAHASA INGGERIS SPM KERTAS 2

KP & KPB SAINS SPM KERTAS 2

KP & KPB SEJARAH SPM KERTAS 2

KP & KPB MATEMATIK SPM KERTAS 2

KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 1

KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 2

KP & KPB KIMIA SPM KERTAS 2